

14 APR 1998

EKONOMI MULAI PEROLEHI KEKUATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan ekonomi Malaysia kini mula memperolehi kekuatan semula dengan kadar faedah yang sebenar dan keadaan kredit ketat yang berkurangan sedikit.

Beliau berkata "malahan terdapat beberapa aliran masuk semula dana dari Singapura" yang berbeza dengan suatu waktu dahulu sebelum ini apabila Malaysia memindahkan dana ke bank-bank asing.

Masalah ekonomi bukan "satu fenomena semula jadi", tetapi lebih kepada bagaimana kita menguruskannya," katanya sebagai menjawab soalan mengenai sama ada krisis air dan kebakaran hutan berpanjangan ketika ini akan menjejaskan usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi, oleh para pemberita selepas ucpatamanya pada seminar mengenai "Realiti Maya" yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sarawak.

Beliau menyebut bagaimana apabila "kita menyediakan kredit dengan segera kepada sektor auto, jualan kereta meningkat...di mana jualan kereta Proton naik sebanyak 62 peratus pada Mac daripada bulan sebelumnya."

Perdana Menteri berkata "apabila kredit tiada, ekonomi akan menjadi lembap."

Mengenai sama ada pembiayaan kredit kepada sektor auto akan mengurangkan tekanan ke atas kadar faedah, beliau berkata "saya rasa mungkin...kadar faedah sebenar telah mula menurun."

"Sebenarnya kadar faedah kita tidak begitu tinggi...ia telah naik sedikit dengan kadar pinjaman asas meningkat antara 11 dan 12 peratus."

Bagaimanapun, beliau kecewa kerana "kos wang telah meningkat disebabkan oleh sesetengah rakyat Malaysia yang memindahkan wang mereka ke bank-bank asing dan sebagai akibatnya, bank-bank Malaysia terpaksa meminjam wang daripada bank asing yang membabitkan kos."

"Jika rakyat Malaysia menyimpan semua wang mereka di bank tempatan, kita tidak lagi perlu meminjam daripada bank-bank asing...itulah sebabnya mengapa kerajaan merayu kepada rakyat Malaysia supaya tidak menyimpan wang mereka di bank asing kerana anda meningkatkan kos wang yang memberi kesan kepada ekonomi negara."

Dr Mahathir berkata keadaan kredit ketat mula berkurangan sekarang.

Apabila ditanya mengenai perkembangan kajian terhadap dagangan mata wang oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Mahathir berkata beliau menerima laporan daripada agensi berkenaan yang mengakui keperluan untuk mengadakan beberapa peraturan.

Mereka kini sedang menimbangakan bagaimana melaksanakan peraturan itu, katanya.

Apabila ditanya sama ada ia boleh dilakukan, beliau berkata: "Ia bergantung kepada keadaan...jika negara maju bersedia mengambil tindakan, ia boleh dilaksanakan."

"Bagaimanapun negara-negara maju dijangka tidak mahu mengambil tindakan kerana ekonomi mereka tidak terancam seperti yang dihadapi oleh kita dan mereka sebenarnya mengaut keuntungan (daripada spekulasi mata wang)...mereka mungkin tidak mahu mengambil sebarang tindakan," katanya.

Beliau juga berkata IMF, dalam laporan itu, juga menyatakan dagangan mata wang adalah industri besar-besaran yang membabitkan jumlah dana lindung nilai serta dana dimiliki oleh bank yang besar.

Dana lindung nilai sahaja berjumlah sehingga AS\$180 bilion di seluruh dunia manakala bank-bank mempunyai dana yang berjumlah sehingga AS\$23

trilion dan "dengan dana yang sebesar itu untuk dagangan mata wang, sukar bagi kerajaan seperti Malaysia untuk mempertahankan diri sendiri."

Bagi ekonomi Malaysia, "kita hanya mempunyai rizab kira-kira AS\$20 bilion," katanya. -- BERNAMA

MK AZZ ZK OS